

23/04/2000

Ilmu kunci utama K-Ekonomi

Abdul Halim Yusoff

K-EKONOMI atau ekonomi berasaskan pengetahuan adalah satu terma baru yang akan membuat sesiapa saja berfikir. Berfikir untuk mencerna konsep, memahami dan seterusnya cuba mengaplikasikan dalam kehidupan. K-Ekonomi adalah perubahan daripada ekonomi berasaskan pengeluaran (P-Ekonomi) sekarang.

Sementara terma baru itu sendiri belum dapat dihuraikan, minat mendalam dan kesedaran masyarakat yang ditunjukkan terhadap konsep K-Ekonomi adalah satu perkembangan positif.

KABUR - mungkin perkataan terlalu besar untuk menggambarkan pandangan masyarakat umum terutama belia terhadap konsep K-Ekonomi. Seperti yang dilihat menerusi Kongres Belia Kebangsaan K-Ekonomi anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) baru-baru ini, meskipun idea dan pandangan yang diberikan secara relatifnya relevan, cadangan yang diberikan terlalu mengkhusus kepada aspek tertentu saja.

Seminar anjuran Isis itu bertujuan mendapatkan maklum balas daripada belia untuk membolehkan Isis merangka draf Pelan Induk K-Ekonomi yang akan dibentangkan kepada kerajaan Jun ini. Beberapa lagi siri seminar yang sama kepada pelbagai golongan masyarakat akan diadakan bagi membolehkan Isis mengumpul maklumat secukupnya. Kerajaan dijangka mengemukakan draf pelan induk K-Ekonomi menjelang Oktober ini dan ia akan diaplikasikan dalam Belanjawan Negara tahun depan (2001).

Sementara pendapat awam sekarang yang mengaitkan K-Ekonomi sebagai kemahiran menggunakan komputer secara asasnya adalah kurang tepat, ekonomi berasaskan pengetahuan ataupun K-Ekonomi sebenarnya adalah pendekatan yang menggunakan pengetahuan dan maklumat untuk meningkatkan kegiatan ekonomi seperti pengeluaran barangan, penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Seperti dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Persidangan Pengetahuan Global Kedua pada Mac lalu, K-Ekonomi bukan satu proses elit, tetapi membabitkan setiap golongan masyarakat daripada guru kepada anak muridnya, kepada bapanya seorang nelayan dan kepada ibunya seorang suri rumah; K-Ekonomi secara asasnya akan membabitkan perubahan nilai masyarakat terhadap cara mereka bekerja dan berfikir. Ia membabitkan perubahan daripada modal sebagai faktor pengeluaran kepada ilmu sebagai faktor pengeluaran.

Aspek perubahan nilai inilah yang nampaknya dipandang ringan terhadap konsep K-Ekonomi. Memanglah aspirasi untuk mengubah sistem pendidikan, prasarana teknologi maklumat dan kemudahan asas, ketelusan dan pelbagai perubahan lagi adalah sebahagian intipati K-Ekonomi. Tetapi siapa yang akan memanfaatkannya semua perubahan berkenaan jika masyarakat sendiri tidak sedia mengubah nilai dan budaya mengenai cara mentakrifkan ilmu?

Justeru, K-Ekonomi bukan bermakna semua orang di Malaysia perlu meninggalkan penyumbang utama perolehan negara sekarang, iaitu sektor pembuatan dan pengeluaran dengan duduk saja dan berfikir tanpa tindakan. Ini kerana bidang perindustrian (pembuatan & pengeluaran) menyumbangkan lebih 37 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 30 peratus kadar pekerjaan negara.

Lebih jauh lagi K-Ekonomi mahukan masyarakat meneruskan bidang pengeluaran atau apa saja kegiatan ekonomi mereka, tetapi perlu menerima pakai aspek ilmu untuk inovasi dan melahirkan ciptaan baru yang tiada hentinya daripada kegiatan mereka sekarang.

Ini selaras dengan definisi asas K-Ekonomi yang membabitkan aset

pengetahuan dan modal kepintaran sebagai kunci atau sumber untuk mendapatkan nilai dalam menghasilkan kekayaan. Sementara pengetahuan pula adalah interaksi antara dua pihak yang masing-masing mempunyai aspek pengetahuan berlainan untuk membolehkan pembelajaran.

Strategi adalah kunci kejayaan. Justeru, untuk mencapai sasaran penerimaan penuh K-Ekonomi, Dr Wan Latifah Wan Mohamad dari Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NTIC) dalam seminar anjuran Isis itu, menggariskan beberapa strategi termasuk mengukuhkan pengetahuan ke dalam semua kegiatan ekonomi, membangunkan kegiatan atau industri baru berasaskan pengetahuan, contohnya Koridor Raya Multimedia (MSC) dan penembusan daripada P-Ekonomi kepada K-Ekonomi kepada setiap golongan masyarakat.

Cara yang paling klasik untuk meningkatkan ilmu adalah melalui sistem pendidikan. Mengubah sistem pendidikan sekarang yang terlalu berasaskan sukatan pelajaran untuk peperiksaan kepada sistem berasaskan pemikiran kreatif dilihat sebagai cara terbaik. Walaupun bunyinya macam mudah menukar sistem itu sendiripun sudah tentu perlukan penelitian dan kajian terperinci.

Sistem pendidikan berasaskan peperiksaan sekarang jelas melahirkan generasi yang meskipun bijak menghafal dan menerima pelajaran, tetapi hasilnya menjadi profesional atau pekerja yang 'ikut buku'. Keadaan ini tidak menyokong konsep K-Ekonomi lantaran nilai sebegini tidak mencambahkan inovasi dan R&D sementara ilmu yang diperolehi pula tidak dikembangkan.

Timbalan Pengarah Institut Kefahaman Islam, Nik Mustafa Nik Hassan, berkata sistem pendidikan yang terlalu mementingkan kejayaan peperiksaan tidak melahirkan golongan pemikir.

"Kerana terlalu mementingkan kejayaan dalam peperiksaan, murid darjah satu pun sudah dihantar ke kelas tambahan," katanya.

Kalau sudah begitu ditekankan sejak kecil, bagaimana kita nak lahirkan masyarakat kreatif.

Selain pendidikan, Nik Mustafa menekankan untuk berjaya dalam K-ekonomi penghayatan nilai keagamaan perlu diterapkan dalam diri bagi mengukuhkan panduan hidup masing-masing. Hasil kajian di Amerika Syarikat mendapati pengabaian aspek keagamaan dalam kehidupan menyebabkan mereka tidak mampu membangunkan kekuatan mental hingga menimbulkan sifat kurang daya saing dan tidak produktif.

Satu elemen penting dalam K-Ekonomi adalah modal manusia (human capital) atau modal intelek, modal struktural selain kepentingan sumber manusia. Modal intelek adalah sumber terhad. Jadi, Malaysia perlu memastikan ia mempunyai modal intelek untuk membangunkan ekonomi. Manusia perlu dianggap sebagai sumber kuasa ekonomi.

Sumber modal intelek serta penguasaan teknologi dalam K-Ekonomi akan merapatkan jurang antara negara perindustrian dan yang baru membangun. Inilah ciri yang dapat digunakan Malaysia jika beralih kepada K-Ekonomi sepenuhnya.

Malaysia perlu mengekal dan menarik 'otak terbaik' sama ada dari tempatan atau seberang laut untuk bekerja di sini. Jika kita sendiri tidak membuka ruang sepenuhnya untuk pengembangan kepakaran dan pengetahuan ke dalam ekonomi, bagaimana menarik dan mengekalkan mereka? Jawapannya mudah, K-Ekonomi.

Budaya ilmu dalam K-Ekonomi akan menyubur pengembangan kepakaran, lantas menyokong penyebarannya ke dalam ekonomi dan masyarakat menerusi medium teknologi maklumat (IT) yang sedia ada, termasuk Internet.

K-Ekonomi akan meletakkan Malaysia sama kompetitif dengan negara maju seperti Amerika Syarikat dalam menarik 'otak bermutu' dari negara dunia ketiga seperti dari India, Brazil dan benua Afrika. Dan pada masa sama

mengekalkan modal intelek yang ada daripada 'lari' ke seberang laut.

Ini adalah sebahagian cabarankita dalam membangunkan K-Ekonomi.

Sementara usaha membangunkan sumber manusia adalah penting dalam K-Ekonomi, pembangunan prasarana untuk membolehkan segenap lapisan masyarakat tidak kira nelayan, pekebun atau profesional turut serta adalah satu lagi cabaran utama.

Dalam hal ini budaya takutkan ilmu atau segan nak kembangkannya perlu dikikis. Masyarakat perlu sukarela turut serta. K-Ekonomi tidak perlukan masyarakat yang manja dan terlalu bergantung kepada kerajaan menyuap segalanya. Sesudah kita mempunyai 100 peratus capaian elektrik di seluruh Semenanjung, capaian kepada Internet masih terlalu rendah.

Tetapi, masyarakat luar bandar umpamanya perlu mengambil inisiatif untuk datang kepada prasarana, contohnya komputer peribadi (PC) bukan sebaliknya. Daripada sumber maklumat sebegitu mereka boleh ciptakan inovasi daripada kegiatan mereka. Pengetahuan dan teknologi seharusnya mempertingkatkan apa saja kegiatan tidak kira untuk peniaga gerai kecil, petani atau nelayan.

Peniaga gerai makanan misalnya boleh mempelbagaikan resipi dan cara hidangan mi bandungnya menjadi 10 jenis mi bandung dalam K-Ekonomi. Sementara profesional seperti jurutera, bukan hanya pandai menggunakan perisian sedia ada untuk membuat binaan, sebaliknya mampu menciptakan satu lagi aplikasi sendiri yang lebih maju untuk hasilkan binaan dengan lebih cepat dan menjimatkan kos.

K-Ekonomi akan membabitkan sesiapa saja. Sementara masyarakat perlu sedia menerima K-Ekonomi, penggubal dasar (kerajaan) perlu mempertimbangkan banyak aspek untuk merangka draf K-Ekonomi.

Pelbagai tajuk yang dibincangkan dalam kongres belia K-Ekonomi anjuran Isis itu perlu dipertimbangkan iaitu peranan belia dalam membina masyarakat berpengetahuan, kerajaan dalam K-Ekonomi, pengetahuan kunci kekayaan negara,imbangan sosial, kedudukan Malaysia dalam dunia antarabangsa, permintaan mendapatkan maklumat, pembangunan sumber manusia, peranan sektor swasta, budaya nilai dan politik, penguasaan bahasa, penguasaan pemikiran dan peranan media.

Ilmu adalah kunci K-Ekonomi. Islam sendiri menekankan kepentingan ilmu dengan sabda Rasulullah; "ilmu itu pemimpin dan amalan itu pula pengikutnya." Segala amalan, pelaksanaan dan tindakan dalam apa juga bidang perlukan ilmu dan pengetahuan.

(END)